



conference proceeding



# SIMPOSIUM NUSANTARA<sup>9</sup>

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO  
*Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World*

11 & 12 December 2012  
Al-Khawarizmi Lecture Hall  
UiTM(Perak)

Organized by:  
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE : AR236

## MASJID ZAHIR, KEDAH DARI SEGI SEJARAH

Farid Mat Zain<sup>a</sup>, Ezad Azraai Jamsari<sup>b</sup>, Zaini Mohd Salleh<sup>c</sup>

<sup>a,b</sup> *Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

<sup>b</sup> *Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

*farid@ukm.m*

---

### Abstrak

Masjid Zahir ialah mercu tanda seni bina dan pernah dikenali sebagai masjid tercantik di Asia Tenggara. Masjid ini turut menyimpan khazanah penting dalam perkembangan Islam di Kedah. Kajian mengenai rekabentuk masjid ini telah dilakukan oleh beberapa sarjana, namun kajian terhadap fungsi dan peranan masjid ini dalam konteks perkembangan Islam di Malaysia masih belum diteliti secara giat. Objektif makalah ini adalah untuk melihat peranan institusi agama dalam perkembangan Islam di Kedah dengan menumpukan kajian terhadap masjid Zahir yang terletak di tengah-tengah Bandaraya Alor Setar, Kedah. Penumpuan dilakukan terhadap sejarah pembinaan masjid ini dari aspek tujuan pembinaan, reka bentuk senibina dan pengaruhnya. Di samping itu turut dikaji peranan masjid ini dalam perkembangan Islam di Kedah. Pendekatan penulisan ini ialah kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan sejarah dan sedikit observasi terhadap bangunan masjid tersebut. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa Masjid Zahir merupakan masjid terawal yang mempunyai bentuk seni bina yang cantik di Kedah, di samping ia menjadi mercu tanda kepada perkembangan Islam di Kedah serta berperanan penting dalam hal-ehwal pembangunan masyarakat Islam di Kedah khususnya dan Malaysia amnya.

**Kata kunci:** Masjid Zahir; Islam di Kedah; perkembangan Islam; institusi masjid.

---

### 1. Pendahuluan

Masjid merupakan institusi penting dalam Islam dan melaluinya syariat Islam dikembangkan. Dalam konteks tamadun Melayu, masjid bukan sekadar tempat menunaikan solat malah ianya menjadi pusat kegiatan sosial yang sangat berkesan. Masjid juga menjadi lambang kekuasaan dan kehebatan seseorang pemerintah pada sesuatu masa. Kajian mengenai sejarah pembentukan dan peranan masjid belum dilakukan secara berkesan. Makalah ini akan melihat sebuah masjid tertua di sekitar tanah air iaitu masjid Zahir yang terletak di tengah-tengah bandaraya Alor Setar, Kedah.

### 2. Sejarah Penubuhan Masjid Zahir

Pada peringkat awal, pembinaan Masjid Zahir (dulu dikenali sebagai Masjid Lama) diasaskan oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin II pada tahun 1735. Namun pada 1 Mac 1912, Masjid Zahir yang wujud pada hari ini ialah hasil usaha al-Marhum Tunku Mahmud Ibn Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah. Baginda ialah presiden Majlis Negeri dan telah memperbaiki dan memperbesarkannya pada tahun 1959 untuk memenuhi kapasiti jemaah yang bertambah. Baginda memangku tugas kekandanya, Sultan Abdul Hamid Halim Syah (1882-1943) pada ketika itu. Tunku Mahmud ialah pemangku sultan yang amat tekun ke arah meningkatkan syiar Islam di negeri ini, bersama-sama dibantu oleh Syaikh al-Islam Kedah pada masa itu, Tuan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek. Pada masa itu, ahli majlis negeri terdiri daripada Tunku Ibrahim ibn Sultan Abdul Hamid Halim Syah, Syed Hassan Shahabudin (Hakim Besar), Muhammad Ariffin bin Muhammad Arshad (Setiausaha Kerajaan), W.G. Maxwell (penasihat British) dan G. Gorman (jurutera Negeri). Masjid Zahir ini juga dikenali dengan nama Masjid Zaharah atau disebut juga Masjid Raja (Haji Ibrahim 1987: 160).

Pembinaan Masjid Zahir melibatkan ramai tenaga mahir, menurut Abdul Halim (1984: 235), tukang-tukang Melayu dan Cina telah dipilih khas dari beberapa mukim di Kedah untuk pembinaan masjid ini. Pembinaan masjid ini mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan dan sedia digunakan oleh orang ramai pada tahun 1915M (6 Zulhijjah 1333H). Majlis perasmian yang bersejarah ini telah disempurnakan oleh Baginda Sultan Abdul Hamid Halim Syah, menjelang masuknya waktu solat Jumaat. Haji Wan Ismail, iaitu Qadi Besar Kedah telah melaungkan

azan, sementara Tunku Mahmud sendiri menyampaikan khutbah, beserta dengan Baginda Sultan Abdul Hamid Halim Syah telah berkenan mengimamkan solat Jumaat yang pertama pada hari itu (Muhammad Hassan 1928: 398).

Masjid Zahir terletak di pinggir Lebuhraya Darul Aman, Bakar Bata, di antara Jalan Kampung Melayu dan Jalan Kampung Perak yang bersebelahan dengan bangunan jam besar ia terletak bertentangan dengan Balai Besar Negeri di tengah-tengah Alor Star. Ia berhampiran dengan Istana Kota Star atau Istana Pelamin yang kini dijadikan Muzium Negeri Kedah. Selain itu, masjid ini juga terletak bersebelahan dengan Mahkamah Syariah Negeri Kedah dan Sungai Kedah atau lebih dikenali dengan nama Sungai Anak Bukit. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya sungai suatu masa dahulu yang berperanan sebagai jalan utama dan memudahkan kepada para pedagang untuk bersolat. Nama Masjid Zahir ini diambil daripada kalimah bahasa Arab yang bermaksud 'bunga'. Masjid ini merupakan sebuah masjid yang mempunyai seni bina yang halus dan unik di bina di atas tapak yang dahulu dikenali sebagai Masjid Lama. Pembinaannya hampir serentak dengan pembinaan Balai Nobat dan Balai Besar, iaitu pada tahun 1736 oleh al-Marhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin Muadzam Syah II (1710-1778) yang bergelar Marhum Kota Star. Menurut Wan Shamsudin Wan Mohd Yusuf, (dalam Haji Ibrahim 1987: 160), seorang tokoh sejarawan Negeri Kedah, ia dibina di atas tapak perkuburan orang Islam yang mati syahid semasa Siam menyerang Kedah ketika dahulu. Pada masa dahulu, nobat akan dibunyikan sebelum azan Jumaat pertama kerana Baginda akan berangkat untuk solat Jumaat. Kini upacara itu telah pun dimansuhkan.

### 3. Kegiatan Masjid

Pada tahun 1904, Sultan Abdul Hamid Halim Syah telah menubuhkan Majmuk Ulama untuk membantu baginda menyelesaikan sebarang masalah yang timbul berkaitan dengan Islam. Oleh itu, dapat disimpulkan betapa beratnya perhatian dan tingginya penghargaan yang telah diberikan oleh KDYMM Sultan-Sultan Kedah kepada kesucian agama Islam dan para ulamanya. Majmuk Ulama ini dipengerusikan oleh Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek, (1874-1835) iaitu, Syaikh al-Islam Negeri Kedah dan dianggotai oleh seramai dua belas orang ulama. Haji Abdullah Pahim (Pak Him) pula bertindak sebagai setiausaha. Ulama-ulama lain yang turut menganggotai majlis ini terdiri daripada Syaikh Muhammad Arshad, Syaikh Jarum Derga (Haji Idris Wan Ismail), Haji Ahmad Awang, Haji Idris Air Hitam, Haji Muhammad Saman (Keramat Serban Hijau), Haji Ibrahim Paya Sena, Tuan Haji Muhammad Arif Sungai Nonang dan Tuan Hussain Mas'udi al-Banjari (Tuan Hussain Kedah). Majmuk Ulama ini akan berkumpul pada setiap malam Jumaat di Masjid Zahir untuk bermuzakarah dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Walaupun begitu, menurut koleksi Wan Shamsudin, pada tahun 1935, majlis ini terhenti begitu sahaja akibat kematian Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek (Haji Ibrahim, 1987: 160). Peranan dan sikap yang ditunjukkan oleh Sultan-Sultan Kedah boleh dianggap antara faktor-faktor penting yang menyebabkan negeri Kedah menjadi tempat tumpuan dan pemastautinan para ulama luar. Justeru, ulama-ulama negeri Kedah telah memainkan peranan yang penting dalam membentuk kebudayaan dan menerapkan nilai-nilai Islam yang berteraskan akidah tauhid dan Syariah Islamiah secara khusus kepada masyarakat Islam di Kedah dan kesannyadapat dilihat hingga ke hari ini.

Tunku Mahmud ialah adinda Sultan Abdul Hamid Halim Syah yang amat mengambil berat tentang hal-ehwal keagamaan. Tunku Mahmud memberi galakan supaya mengadakan bacaan al-Qur'an di masjid bagi mentakzamkan bulan Ramadhan pada setiap malam. Sejak itu, bermulalah sejarah perkembangan membaca dan mendalami al-Qur'an di Masjid Zahir. Manakala kedua-dua buah anjungnya kelihatan para jemaah semakin bertambah, bukan sahaja qari-qari tempatan bahkan dari Patani, Johor, Perak, Pulau Pinang, Sumatera dan Jawa (Haji Ibrahim, 1987: 161). Mereka ini semata-mata bertujuan untuk menghayati dan mempelajari al-Qur'an. Antara mereka termasuk qari-qari dari tanah Arab yang bermastautin di Tanah Melayu, Pulau Sumatera dan Pulau Jawa. Aktiviti-aktiviti pembacaan al-Qur'an yang dijalankan secara pertandingan ini berlaku dari tahun 1350H (1931M) sehingga tahun 1351H (1932M). Majlis pertandingan ini diadakan di bawah anjuran Tuan Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek, iaitu Syaikh al-Islam Negeri Kedah dan Wan Ismail, iaitu Kadi Besar Kedah. Majlis pertandingan ini telah diadili oleh qari-qari yang termasyhur yang diketuai oleh Syaikh Ibrahim bin Syaikh Yusof al-Ibyari iaitu Imam Besar Masjid Zahir dan beliau ialah sebagai Guru Pelendit (tajwid) Bacaan Al-Qur'an (Haji Ibrahim 1987: 161).

Selain itu, sebulan sekali Tuanku Sultan, ahli-ahli Majlis Negeri dan para ulama akan bersidang untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul di kalangan rakyat jelata. Di samping itu, terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan di masjid tersebut termasuk mengadakan kelas bimbingan kanak-kanak (TADIKA), kelas bacaan ayat suci al-Qur'an, kelas agama, kursus perkahwinan untuk bakal-bakal pengantin, kursus Haji, ceramah –ceramah agama dan sebagainya. Pada setiap tahun, kursus untuk jemaah haji akan dirasmikan oleh KDYMM Sultan Kedah.

### 3. Seni Bina Dan Reka Bentuk Masjid

Masjid Zahir mempunyai keluasan tapak kira-kira 124 x 124 kaki persegi dewan solat. Manakala bahagian tengah berandanya, berukuran 62 x 62 kaki dengan lapan kaki lebar dan mempunyai empat anjung. Pada setiap anjung tersebut pula, terdapat satu kubah di setiapnya. Sementara menara kecil yang disebut 'Menara Serambi' berada di atas bumbung di setiap anjungnya. Masjid yang direka bentuk oleh G. Gorman ini, mempunyai pelan segiempat sama dan diperluaskan dengan tiga buah anjung, sebuah anjung di setiap bahagian utara, timur dan selatan. Anjung-anjung tersebut merupakan pintu masuk ke masjid ini. Bahagian dinding anjung ini dihiasi dengan bentuk yang lebih khusus (Abdul Halim 1984: 235). Setiap perbincangan seni bina sesebuah masjid pasti tidak akan ketinggalan dalam menyentuh komponen-komponen asas seni bina yang terdapat pada masjid berkenaan. Aspek-aspek komponen asas ini mesti merangkumi mihrab, ruang solat dan menara. Di samping itu, terdapat elemen-elemen lain yang dijadikan tambahan bagi melengkapkan fungsi sesebuah masjid seperti kubah dan mimbar, konsep dan kedudukan masjid, pintu gerbang, tiang, dan bahagian-bahagian masjid yang lain yang memperlengkapkan lagi masjid dengan kesempurnaan seni binanya.

Terdapat sesetengah pendapat menyatakan Masjid Zahir ini dibina berasaskan ciri-ciri seni bina dari Timur Tengah. Ia merupakan hasil cetusan idea bernas yang dibawa oleh Baginda Tunku Mahmud sebaik sahaja sekembalinya baginda dari sana. Menurut wakil persatuan sejarah Malaysia, Wan Shamsudin Wan Mohd. Yusuf, Al-Marhum Tunku Mahmud ialah seorang yang sangat menyintai ilmu agama dengan memberi galakan supaya diadakan program-program pengimarah masjid di bulan puasa. Oleh itu, bermulalah sejarah kegiatan intelektual di Masjid Zahir yang masyhur di serata negeri. (Haji Ibrahim 1987: 161). Sementara itu, menurut Koleksi Muzium Negeri Kedah, terdapat pendapat lain mengatakan, sebelum rangkaian pelan masjid ini dibuat, satu rombongan telah dihantar oleh Tunku Mahmud ke Langkat dan Sumatera bertujuan untuk meninjau dan mencari reka cipta dan bentuk masjid yang cantik di sana.

Menurut tokoh sejarawan Kedah, Wan Shamsudin Wan Yusuf, terdapat seorang ahli sejarah Sumatera telah datang ke Kedah dan mengatakan reka bentuk dan seni bina Masjid Zahir adalah sama dan menyerupai dengan sebuah masjid lama di Sumatera yang dikenali sebagai Masjid Raya. Beliau berpendapat ada kemungkinan orang Sumatera terutamanya para pedagang yang datang ke Kedah melalui Sungai Kedah telah meniru reka bentuk dan seni bina Masjid Zahir ini. Namun, terdapat pendapat mengatakan bahawa reka bentuk ini menyerupai bentuk beberapa buah masjid yang terdapat di Sumatera Utara seperti Masjid Aziz di Kota Tanjung Pura, iaitu Pusat Pemerintahan Kesultanan Langkat.

Manakala di perkarangan Masjid Zahir ini terdapat dua buah meriam yang diambil dari Kota Kuala Kedah dan diletakkannya di laluan Sultan, iaitu pintu masuk masjid di sebelah kanan masjid sebelum ke Bilik Rehat Sultan. Pembinaan Masjid Zahir ini direka bentuk dengan baik dengan memiliki bilik rehat sultan, pejabat imam, bilal dan penghulu atau nazir masjid sejak tahun 1912 lagi. Mengikut sumber sejarah, Masjid Zahir yang asal ialah masjid tanpa sayap kiri. Pada tahun 1975, beberapa penambahan telah dibuat terhadap Masjid Zahir ini. Namun penambahan yang dibuat ini kebanyakannya menggunakan fiber yang mempunyai kualiti yang rendah. Namun kualiti pembinaan di awalnya itu lebih tinggi dan tidak dapat disangkal lagi kerana ukirannya dibuat di atas simen yang berlekuk-lekuk dengan kepakaran kerja tangan yang halus lagi tinggi mutunya.

#### a. Ruang solat

Dewan yang berbumbung dan ruang yang terbuka direka untuk umat Islam menunaikan solat secara berjemaah. Dewan solat berbumbung ini biasanya berbentuk segi empat dan keluasannya mengikut nisbah keluasan ruang terbuka itu. Dinding ruang utama Masjid Zahir pula ialah ruang makmum. Menurut Encik Mohd Radzi Abd. Hamid, iaitu bilal di masjid ini, ia terdiri daripada ruang induk seluas 19.50m x 19.50m yang dikelilingi oleh ruang serambi selebar lapan kaki dan mengandungi empat buah anjung di setiap sisinya. Masing-masing mempunyai sebuah kubah berbentuk bawang. Bahagian ruang solat ini dibahagikan kepada empat persegi, iaitu ruang tengah utama, serambi kanan, serambi kiri dan serambi belakang.

Apabila menjelang solat Jumaat dan Hari Raya, ruang yang ada tidak mencukupi untuk menampung jumlah jemaah yang ramai pada satu-satu masa. Oleh itu, ruang solat telah ditambah di sayap kanan masjid. Keluasan yang baru selepas pembesaran tersebut ialah 5,026.56 kaki persegi. Manakala panjang selepas penambahan itu juga semakin bertambah, iaitu 61.6 kaki persegi, sementara lebarnya pula ialah kira-kira 9,195 kaki persegi. Secara keseluruhannya, seramai 2,200 orang jumlah jemaah yang dapat menampung dalam suatu masa selepas hasil penambahan tersebut. Sejumlah 773 orang boleh dimuatkan dalam ruang utama, manakala selebihnya di ruang tambahan. Selain itu, di bahagian ruang sembahyang terdapat mihrab serta mimbar. Almar

yang dipenuhi dengan kitab-kitab al-Qur'an dan kitab pengajian turut tersusun rapi untuk para jemaah menggunakannya. Di samping itu, terdapat papan kenyataan yang memaparkan maklumat-maklumat dan sebarang pengumuman penting yang berguna untuk perhatian para jemaah di situ. Di sudut kanan belakang ruang solat, terdapat sebuah tangga yang boleh digunakan untuk naik ke atas bumbung.

b. Mihrab

Mihrab ialah ruang yang paling depan, iaitu tempat imam mengetuai jemaah dalam menunaikan ibadah solat dan terletak bahagian dalam masjid. Kebanyakan mihrab berbentuk separuh bulat yang dibina melengkung keluar pada dinding masjid. Ia merupakan pertunjuk arah kiblat bagi masjid berkenaan. Ketika Muawiyah bin Abi Sufyan mengambil alih tampuk pemerintahan, mihrab dibina untuk menjaga keselamatan pemimpin seandainya menghadapi musuh ketika menunaikan solat. Panglima-panglima tentera diletakkan dibelakang pemimpin ketika solat untuk mengelakkan nyawa pemimpin dari terancam. Namun, apa yang jelas di sini ialah perubahan struktur seni bina Islam sentiasa berubah dari satu masa ke satu masa dan menjadi lebih komplikated sehingga membentuk suatu gaya artistik yang tersendiri dan unggul. Manakala dari sudut agama Islam, pembinaan mihrab tiada kaitan dengan perintah dari Rasulullah (s.a.w.). Walaupun begitu, pembinaan mihrab ialah sesuatu yang digalakan. Ini disebabkan ia berperanan sebagai petunjuk arah kiblat dan boleh direka bentuk sebagai pembesar suara. Semua ini memberi sumbangan yang besar dalam ketamadunan umat Islam dan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Mihrab Masjid Zahir ini mempunyai keistimewaan dan sedikit kelainan berbanding dengan masjid lain kerana mempunyai dua mihrab bentuk bulat yang melengkung dan kedudukannya adalah sama. Biasanya, imam akan menggunakan mihrab yang asal, iaitu di bahagian yang kedua (belakang). Mihrab yang baru dibina di bahagian hadapan sekali dan biasanya akan digunakan apabila bilangan jemaah terlalu ramai, terutamanya pada hari Jumaat dan Hari Raya. Reka cipta mihrab yang melengkung ini dapat memantulkan suara imam sehingga dapat didengar oleh para jemaah. Pada masa dahulu, kemudahan mikrofon dan pembesar suara tidak dimiliki seperti hari ini. Di samping itu, terdapat ukiran-ukiran yang menarik pada mihrab masjid ini. Ukiran-ukiran ini diperbuat daripada batu yang asli yang bercorak geometri, kulit kerang dan awan larak. Rekaan tulisan khat yang dibuat ukiran pada dinding mihrab ini mencantikkan lagi seni bina masjid ini. Begitu juga di kiri dan kanan mihrab ini, terdapat ukiran buang yang berbentuk geometri. Manakala di atas kiri dan kanan mihrab ini terdapat dua bunga kemboja, satu di kiri dan satu lagi di kanan. Setiap satunya mempunyai lapan kelopak bunga yang diukir di atas dinding simen tersebut. Kebanyakan corak tersebut mengingatkan manusia tentang kematian dan hari Akhirat, di samping lambang-lambang yang berunsur abstrak yang tidak tercapai kepada infinitinya.

c. Mimbar

Mimbar secara umumnya ialah satu platform yang tinggi yang digunakan untuk khatib menyampaikan khutbah dan tempat khatib duduk sebentar ketika menyampaikan khutbah. Mimbar diletakkan di sebelah kanan mihrab dan mempunyai beberapa anak tangga untuk naik ke atas platform yang mempunyai bumbung yang dihias dengan ukiran yang menarik. Mimbar mula-mula sekali digunakan oleh Rasulullah (s.a.w.) di Madinah apabila jumlah umat Islam semakin bertambah ramai. Ini dapat menjadikan kedudukan baginda lebih tinggi dan apa yang hendak disampaikan dapat didengari dengan jelas. Sejak itu, mimbar menjadi komponen penting masjid dan menjadi tempat khatib menyampaikan khutbah Jumaat. Mimbar Masjid Zahir ini merupakan mimbar asal sejak ia mula dibina lagi. Ia merupakan hasil tukang kayu tempatan yang dapat memperlihatkan hasil ukiran tangan yang berkonsepkan kesenian Melayu. Di samping itu, mimbar ini diperbuat daripada kayu cengal yang keras sehingga ke tingkat kedua dan hasilnya masih lagi bertahan hingga ke hari ini. Kehalusan kerja tangannya sangat unik dan begitu mempesonakan. Ia menggunakan hasil gabungan konsep ukiran yang berbentuk bunga-bunga (kemboja), tumbuh-tumbuhan serta lukisan bercorak awan larak. Semua ini diadunkan pula dengan bentuk geometri. Warna coklat itu masih lagi kekal terpelihara dan ukirannya terserlah hingga ke hari ini. Selain itu, terdapat enam belas bintang di sisi mimbar masjid ini.

d. Menara

Perkataan menara berasal dari perkataan 'Nar' yang bermaksud api. Pada zaman dahulu, api dipasang pada menara tinggi untuk menandakan masuknya waktu solat, iftar (buka puasa), imsak dan pengumuman terhadap sesuatu perkara. Menara atau minaret dalam bahasa Inggeris bermaksud sebuah struktur yang tinggi. Pada

asalnya, pembinaan menara menjadi mercu tanda masjid dan memastikan laungan azan yang berkumandang itu dapat didengari dalam jarak yang paling jauh. Pada zaman Rasulullah (s.a.w.), Bilal bin Rabah (r.a) melaungkan azan dari bumbung rumah baginda. Menjelang kurun ke-14M dan ke-15M, pembinaan menara masjid menjadi satu kemestian. Masjid-masjid Melayu yang dibina awal pada masa dahulu tidak mempunyai menara pada seni binanya.

Namun begitu, berbeza pula dengan Masjid Zahir kerana mempunyai pengaruh seni bina yang kuat dari Timur Tengah dan India. Perkara ini menyebabkan Masjid Zahir mempunyai menara sejak di awal pembinaannya lagi. Menara masjid ini berbentuk moden dan terletak di bahagian kanan ruang induk solat. Menara kecil yang dipanggil menara serambi terdapat di setiap bumbung di ruang anjung. Antara menara kecil yang terletak di bahagian timur telah diubahsuai menjadi sebuah menara yang lebih tinggi daripada menara-menara yang lain terdapat pada bangunan itu. Manakala di hujung bangunan masjid, iaitu di bahagian timur lautnya, terdapat sebuah menara induk yang diperbuat daripada batu bata dan dicat dengan warna putih dan coklat pada bahagian puncak menara itu. Menara Masjid Zahir ini berbentuk seakan-akan payung kuncup di bahagian puncak. Di samping itu, terdapat tingkap-tingkap kecil pada bahagian menara yang berfungsi sebagai pemerangkap cahaya serta memantulkan azan ke kawasan sekitarnya. Selain itu, menara ini mempunyai ukiran batu yang bercorak geometri turut menyerlahkan lagi reka bentuk menara tersebut.

#### e. Kubah

Kedatangan Islam telah melahirkan institusi agama seperti masjid dan surau sebagai tempat ibadah yang menggunakan bumbung berlapis yang diperbuat dari bahan kayu. Orang Melayu turut menerima satu bentuk masjid yang tidak pernah wujud sebelum itu, iaitu bangunan masjid yang berkubah atau dinamakan 'masjid yang berkubah bawang'. Masjid berkubah bawang diperkenalkan di Malaysia selepas negara ini menerima penjajahan Inggeris. Kubah Masjid Zahir ini amat berbeza dengan masjid-masjid yang bercorak tradisi atau tempatan di negara ini. Kebanyakan masjid tempatan pada zaman awal biasanya mempunyai gaya 'atap tumpang' yang berlapis tiga. Selain itu, kubah Masjid Zahir berbentuk kubah bawang yang merupakan hasil pengaruh luar dari India dan Timur Tengah, di samping keunikan seninya yang halus. Perkara ini merupakan antara faktor yang menjadikan seni bina Masjid Zahir semakin bertambah unik dan menarik.

Masjid Zahir mempunyai empat buah kubah yang menonjol. Kubah utama yang berbentuk bebawang ini disokong oleh lapan segi yang mempunyai enam belas buah tingkap kecil yang diperbuat daripada bahan kaca di setiap penjuru. Hal ini menyebabkan cahaya akan memasuki kawasan ruang solat. Tinggi kubah dari paras lantai ke bahagian bawah kubah ialah 13.5 meter. Di sekeliling kubah besar itu, terdapat kubah-kubah kecil dan di antara keempat-empat buah kubah itu, tiga daripadanya ialah kubah yang bersaiz sederhana. Kubah besar ini berukuran 45 kaki dari garis pusat dan 30 kaki ketinggiannya. Kubah induk ini terletak di atas ruangan solat utama yang diapit pula oleh tiga kubah yang sederhana besarnya. Ketiga-tiga kubah ini terletak di bahagian serambi kanan, serambi kiri dan serambi belakang. Manakala ukuran bagi kubah sederhana ini ialah 16 kaki dari garis pusat dan ketinggiannya 15 kaki. Bahan binaan yang digunakan untuk membuat kubah masjid ini ialah daripada batu bata. Manakala di bahagian luarnya menggunakan tembaga, sementara di bahagian dalamnya pula beratapkan siling. Pada mulanya, ia kelihatan berwarna coklat, namun, setelah ia mengalami perubahan, akibat cuaca iklim Khatulistiwa panas dan lembab sepanjang tahun, ia telah bertukar warna menjadi sedikit kehitaman (Abdul Halim 1984: 235).

Bulan sabit yang kelihatan di puncak kubah masjid menjadi simbol utama dalam mengungkap seni bina ketamadunan Islam. Ukiran lima bucu bintang tersebut melambangkan lima rukun Islam, manakala 16 bucu bintang yang lain melambangkan kesenian Islam. Bulan sabit itu dapat dilihat dari jarak yang jauh dan kedudukannya tepat mengarah kiblat. Secara umumnya, kubah besar tersebut berfungsi sebagai pemerangkap cahaya agar dapat menerangi ruang di dalam masjid. Di samping itu, terdapat juga tingkap-tingkap kecil berkaca yang bercorakan geometri berwarna biru, merah jambu, ungu, kuning dan putih di dua pintu utama masjid yang berfungsi sebagai perangkap cahaya dan dapat memantulkan cahaya agar keadaan dalam masjid tidak menjadi gelap. Manakala di bahagian dalam kubah induk tersebut pula, terdapat corak-corak yang berwarna kebiruan dan di tengahnya terdapat perkataan Allah. Selain daripada itu, terdapat beberapa buah kubah yang berbentuk kecil mengelilingi sebuah kubah besar mengindahkan lagi seni bina masjid yang unggul dalam kegemilangan umat Islam.

f. Tiang dan Pintu

Setiap bangunan masjid mempunyai tiang dan pintu yang mempunyai corak yang tersendiri. Masjid Zahir merupakan antara masjid yang mempunyai tiang yang banyak. Masjid Zahir ini mempunyai kira-kira 261 batang tiang secara keseluruhannya. Tiang-tiang ini diperbuat daripada batu bata dan simen yang dikongkrit. Kebanyakan seni bina masjid ini terpengaruh dengan seni bina dari India yang gemar menggunakan kuantiti tiang yang banyak. Menurut hasil kajian ini, jika dilihat sekilas pandang pada ukiran di tiang-tiang Masjid Zahir ini, ia seakan-akan menyerupai masjid Cordova di Sepanyol. Tiang tidak berkembar terletak di bahagian koridor. Jarak di antara satu tiang dengan satu tiang yang lain ialah 6 kaki 7 inci, manakala di koridor sebelah kiri jaraknya ialah di antara 6 kaki hingga ke lapan kaki. Sementara di bahagian ruang utama pula jarak di antara satu tiang dengan satu tiang yang lain ialah 33 kaki. Manakala saiz bagi tiang-tiang yang besar pula ialah sebesar sepemeluk.

Tiang berkembar empat yang ada itu adalah untuk mengimbangi dan menahan sokongan berat dari sebuah kubah bawang besar yang merupakan kubah utama. Tiang-tiang itu juga digabungkan dengan pintu-pintu gerbang utama masjid yang membentuk kubah yang besar tersebut. Binaannya diambil daripada bentuk 'Corinthian' iaitu seni bina Greek yang merupakan ciptaan terakhir yang dicipta dan paling lengkap. Bentuk-bentuk yang terdapat pada tiang ini terdiri daripada satu tiang yang panjang dan dengan dasar yang lebar. Ia dihias dengan ukiran daun 'Acacanthus' ataupun konsep tumbuh-tumbuhan (flora). Oleh itu, melalui penggunaan tiang yang banyak dapat menstabil dan mengukuhkan seni bina masjid ini. Bilangan tiang yang banyak di sepanjang koridor Masjid Zahir ini adalah bertujuan untuk mengelakkan koridor masjid daripada basah akibat terkena tempas hujan dan cahaya panas matahari. Tiang-tiang Masjid Zahir ini diukir di atas simen pada tiang dengan begitu indah sekali yang berlekuk-lekuk, di samping ukiran tumbuh-tumbuhan pada atas tiang itu. Selain itu, terdapat satu bintang pada setiap tiangnya yang mempunyai enam bucu yang melambangkan Rukun Iman.

Di samping itu, Masjid Zahir mempunyai tiga pintu besar yang utama. Ia terletak di bahagian sayap kanan, sayap kiri dan di hadapan masjid. Pintu ini merupakan pintu asal sejak pembinaan awal masjid ini dilakukan. Walaupun telah ditelan zaman dan dimamah usia, namun ia masih lagi berdiri kukuh hingga ke saat ini. Pintu-pintu ini diperbuat daripada kayu cengal dengan mencapai ketinggian 10 kaki, manakala engselnya diperbuat dengan menggunakan tembaga. Ukiran yang terdapat pada pintu-pintu tersebut ialah ukiran timbul, di samping bunga kemboja yang diukir oleh pengukir yang kreatif dengan corak yang unik dan menarik. Namun, tidak dapat diketahui bagaimana pintu itu diletakkan di situ, sama ada menggunakan gajah atau pun tenaga manusia. Hal ini amat menghairankan memandangkan pintu tersebut terlalu panjang, berat dan sukar untuk didirikan. Ukiran bulatan yang terdapat pada pintu-pintu tersebut melambangkan sebuah perisai yang menghalang dari sebarang pencerobohan dan cubaan merosakkannya.

g. Pintu Gerbang.

Pintu gerbang masjid menjadi paksi utama pemisah di antara dunia luar dengan suasana yang tenang dan damai di kawasan masjid. Setiap insan yang ingin memasuki masjid pasti melalui pintu gerbangnya terlebih dahulu. Masjid Zahir mempunyai dua buah pintu gerbang yang besar di pintu masuk utama, satu daripadanya menghadap ke arah kesibukan Lebuh raya Darul Aman dan satu lagi menghadap ke arah Balai Nobat negeri Kedah. Kedua-dua pintu gerbang ini dibuat dengan struktur batu bata yang disimen kongkrit dan kukuh. Pintu gerbang tersebut terdiri daripada dua tiang yang berkembar dan di atas kedua-duanya itu terdapat kubah kecil. Selain itu, terdapat dua bintang di sebelah atas kiri dan kanan pintu gerbang tersebut yang masing-masing mempunyai enam bucu yang melambangkan Rukun Iman. Di samping itu, lampu-lampu neon mengelilingi pagar sederet dengan pintu gerbang tersebut. Manakala lampu-lampu yang berwarna warni digantung panjang yang bermula dari pintu gerbang sehinggalah ke kubah masjid. Semua ini turut mengindahkan lagi Masjid Zahir yang sedia cantik dan unik.

h. Dataran Masjid Zahir

Dataran merupakan halaman masjid yang mula-mula kita jejak apabila melepasi pintu gerbang utama masjid. Masjid Zahir mempunyai dataran halaman yang luas yang dihiasi dengan pancutan dua air kolam dan pohon-pohon yang subur menghijau. Pancutan air kolam ini ialah lambang kepada penyucian fizikal terlebih dahulu sebelum menghadap Ilahi untuk penyucian dari aspek rohani pula. Di samping itu, di sekitar dataran masjid ini terdapat paip-paip air untuk mengambil wuduk. Manakala pejabat imam, bilal dan penghulu berada di

hujung halaman masjid yang berhampiran dengan Sungai Kedah. Pada bulan puasa, dataran tersebut akan digunakan oleh peniaga untuk menjual kuih muih kepada orang ramai melalui Bazaar Ramadan. Di samping itu, dataran ini juga digunakan untuk mengadakan kenduri atau moreh di masjid kepada para anggota kariah masjid.

## Kesimpulan

Keindahan seni bina Masjid Zahir membayangkan kepada kita keindahan seni bina Islam yang halus dan unik melalui hasil kerjatangan yang mengkagumkan. Semua ini dapat dilihat melalui ukiran-ukiran yang terdapat pada Masjid Zahir, meskipun pembinaannya dilakukan sebelum Perang Dunia pertama, namun ia masih boleh disaksikan sehingga kini. Keunggulan seni bina ini boleh memukau pandangan dan mengasyikkan kepada sesiapa sahaja yang memandangnya kerana terpegun dengan kehalusan hasil seninya. Ketinggian mutu dan senibinanya sukar ditandingi hingga ke hari ini.

## Rujukan

- Abdul Halim Nasir. 1984. *Masjid-masjid di Semenanjung Malaysia*. Cet.1. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Nasir. 1995. *Seni bina Masjid Di dunia Melayu-Nusantara*. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aimini Amir Abdullah. 1997. *Konsep Kesenian Dalam Islam*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- C.Israr. 1955. *Sejarah keseniaan Islam*. Jil.1. Jakarta: Bulan Bintang
- Habsah Yeop .1998. *Ensiklopedia Islam*. Jil.6. Kuala Lumpur: Malaysian Encyclopedia Research centre Bhd.
- Hayati Ali. 1998. *Ensiklopedia Islam*. Jil.6. Kuala Lumpur: Malaysian Encyclopedia Reserch Centre Bhd.
- Herbert Read. 1957. *The Meaning Of Art*. London: Faber and Faber limited.
- Mahyudin Yahya. 1998. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- M.A.J. Beg. 1980. *The Image Of Islamic Civilizations*. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- M.A.J. Beg. 1982. *Two Lectures On Islamic Civilizations*. Bangi: National University Of Malaysia
- Mohammad Tajuddin Mohammad Rasdi. 1999. *Peranan Kurikulum dan reka bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad. 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. 1991. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Othman Mohd. Yatim. 1989. *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zulkifli Hanafi. 2001. *Kompendium Sejarah Seni Bina Timur*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Pusat Perumahan, Bangunan dan Perancangan.
- Haji Ismail Ibrahim. 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Universiti Utara Malaysia: Percetakan Season Sdn. Bhd.